

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS

---

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG  
[ WANGSA MAJU - PKR ]

535  
SOALAN (NO. 535)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah fungsi dan kelebihan Parlimen Belia dan berapakah jumlah pendaftar Parlimen Belia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi Parlimen Belia Malaysia adalah seperti berikut:-
  - i. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan dikalangan generasi Y demi penerusan kepimpinan negara jangka panjang;
  - ii. Sebagai pendedahan kepada belia bagaimana proses undang-undang dibuat serta memahami sistem pentadbiran negara; dan
  - iii. Mengenalpasti trend belia untuk disesuaikan dengan pembentukan polisi pentadbiran negara.
2. Manakala, kelebihan Parlimen Belia Malaysia (PBM) adalah seperti berikut:-
  - i. Dapat menimba pengalaman sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM);
  - ii. Diberi keutamaan untuk menyertai program-program belia yang dianjurkan atau melibatkan Kementerian Belia dan Sukan;

- iii. Diberi keutamaan untuk mendapatkan dorongan, sokongan dan galakan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk merancang dan melaksanakan sendiri program-program pembangunan komuniti; dan
  - iv. Berpeluang menyuarakan pendapat serta membahaskan isu-isu semasa mewakili belia peringkat akar umbi serta melaksanakan program yang menepati kehendak belia setempat.
3. Jumlah pencalonan Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) yang berdaftar adalah seramai 429 calon sehingga 25 September 2014.

Sekian, terima kasih.